

# Kem Kepimpinan Waja Diri tingkat kemahiran interpersonal pemimpin pelajar pascasiswazah

UB 21.3.2019 B2

KOTAKINABALU:Seramai 16 barisan Exco Persatuan Pelajar Pascasiswazah, Universiti Malaysia Sabah (UMS) menyertai Kem Kepimpinan Waja Diri 2019 di Permai D'Valley pada 23 hingga 24 Februari lepas.

Kem kepimpinan itu bertujuan meningkatkan kemahiran interpersonal pelajar seperti kepimpinan, komunikasi dan interaksi sosial yang lebih berkesan dalam organisasi seiring dengan pasaran kerjaya masa kini.

“Program seumpama ini memberi latihan dan stamina

diri dan fizikal kepada para pelajar dalam menempuh cabaran hidup melalui aktiviti yang diadakan”, kata Timbalan Dekan Kebajikan Pelajar Pusat Pengajian Pascasiswazah UMS Dr Azaze@Azizi Abdul Adis.

Katanya, pelajar pascasiswazah khususnya perlu mempunyai kemahiran interpersonal yang baik untuk menjadi seorang ahli akademik dan pemikir yang akan menerajui kepimpinan negara pada masa hadapan dan memanfaatkan segala ilmu dan kemahiran yang diperolehi sepanjang menyertai Kem

Kepimpinan Waja Diri.

Beliau berharap peserta kem itu akan membawa perubahan kepada organisasi yang mereka terajui menerusi ilmu kepimpinan dalam organisasi.

“Dengan wujudnya program ini, ia dapat memberi penekanan kepada peserta untuk mengurus dan mentadbir strategi pasukan dan memanfaatkan setiap ilmu kemahiran yang diterokai demi kepentingan dan kemajuan organisasi pimpinan mereka,” katanya.

Pelbagai aktiviti diadakan termasuklah *ice breaking*, *team*

*building*, *kitchen challenge*, *explorace*, cabaran sampan kotak, jejak kawasan dan senaman pagi selain aktiviti jangan lupa lirik untuk malam kesenian.

Sementara itu, salah seorang peserta Noor Amalia Shaiful Kahar berkata, program ini dapat memberi satu pengalaman yang mencabar sepanjang aktiviti yang dijalankan.

Turutserta ialah Timbalan Pendaftar, Pusat Pengajian Pascasiswazah, UMS Sirahim Abdullah dan Pengarah Kem Kepimpinan Waja Diri 2019 kali ini Al-Nasrie Weli.